

# 28 mahasiswa terima watikah

Dilantik sebagai ahli MPP Unisza Sesi 2015/2016

**GONG BADAQ** – Seramai 28 penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) menerima watikah pelantikan sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2015/2016 bagi menggantikan ahli perwakilan terdahulu yang tamat lantikan pada 6 September lalu.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Pembangunan (P&P) Unisza, Prof Dr Mohd Ekhwani Toriman berkata, MPP diingatkan agar melaksanakan aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan isu semasa dan juga kualiti pembelajaran mahasiswa.

"Saya harap barisan MPP ini bukannya sekadar retorik, tetapi sentiasa berdamping rapat dengan mahasiswa dan mengemukakan cadangan rasional serta praktikal melibatkan masalah kebajikan penuntut untuk diperhalusi dan dipertimbangkan pengurusan Unisza."

"MPP perlu main peranan aktif untuk menarik mahasiswa menyertai program ilmiah bagi menambah ilmu, bukan sekadar mengharap in-



Barisan MPP Unisza membaca ikrar pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli MPP Sesi 2015/2016.

sentif daripada penyertaan itu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2015/2016 dan Penyampaian Sijil Penghargaan MPP Sesi 2014/2015, di sini.

Presiden MPP Unisza, Aziyami Abdul Aziz berkata, beliau bersama

jentera baharu akan meneruskan perjuangan barisan MPP sebelum ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Katanya, kebajikan mahasiswa menjadi pemangkin utama dalam perjuangan barisan MPP kali ini.

"Kami (MPP Unisza) sentiasa amal sikap keterbukaan dan toleransi, selain menitikberatkan pelbagai as-

pek melibatkan mahasiswa, terutama dalam mendengar dan mengangkat suara mereka sesuai dengan moto 'Penyatuan Mahasiswa Pemangkin Kelestarian Negara'.

"Kami turut memfokuskan konsep permuafakatan dan keterbukaan untuk menyatupadukan mahasiswa walaupun berlainan ideologi politik dan pendapat. Di Unisza, kita mem-

punyai satu malam dan satu tujuan ke arah pembangunan mahasiswa kelas pertama terutama dalam kepimpinan dan kemahiran insaniah," katanya.

Sementara itu, proses pengundian pemilihan MPP kali ini hanya melibatkan pertandingan di satu daripada 10 fakulti sahaja iaitu Fakulti Informatik Komputeran (FIK), yang menyaksikan empat calon tahun dua dan tiga bertanding merebut kerusi berkenaan.

Seramai 491 daripada 724 pelajar FIK, Kampus Tembala keluar mengundi semasa pemilihan MPP yang berlangsung pada 13 September lalu di Dewan Gimnasium Unisza, Kampus Gong Badak.

JOM SOLAT	
KUALA NERUS	
SUBUH	5:37
SYURUK	6:54
ZOHOR	12:57
ASAR	4:12
MAGHRIB	6:56
ISYAK	8:06